

11/02/1998

Nasihat presiden penting: Wan Mokhtar

KUALA TERENGGANU, Selasa -Nasihat Presiden Umno perlu dihormati walaupun perlembagaan Umno tidak melarang ahlinya bertanding merebut sebarang jawatan dalam parti, kata Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Oleh itu, katanya permintaan pucuk pimpinan parti supaya jawatan penting dalam setiap bahagian Umno tidak berlaku pertandingan, perlu dilihat sebagai sesuatu yang penting.

"Walaupun perlembagaan membolehkannya tetapi apa erti jika setiap nasihat orang yang dihormati seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dipatuhi," katanya selepas menyaksikan pertunjukan paraglider di Pulau Duyung, di sini, hari ini.

Katanya, permintaan pucuk pimpinan supaya tidak berlaku pertandingan bagi mengelakkan perpecahan dalam parti selepas mesyuarat agung sebagaimana berlaku sebelum ini, sepatutnya dijadikan iktibar.

"Pengalaman lalu sudah cukup untuk mengajar semua ahli Umno berwaspada," katanya sambil menambah ahli diminta berbuat demikian kerana mahu rakyat memberi tumpuan kepada usaha memulihkan ekonomi negara .

"Jika semua orang akur dengan nasihat Presiden Umno, semua perkara lebih mudah dan kepercayaan pelabur luar semakin tinggi.

"Dalam masa yang sama, keadaan ekonomi cepat pulih dan sekali gus menguntungkan semua pihak," katanya.

Beliau juga kesal jika wujud calon yang bertanding merebut jawatan dalam parti kerana ditaja pihak tertentu.

Wan Mokhtar berkata, keadaan itu tidak seharusnya berlaku kerana pucuk pimpinan sentiasa menasihatkan ahli parti supaya tidak terbabit dalam politik wang.

Menurutnya, jika ada pihak sanggup menaja calon bertanding menentang seseorang, mereka juga tidak akan segan menggunakan pelbagai cara lain termasuk wang untuk membeli undi.

Katanya, beliau akan mendapatkan maklumat daripada bahagian Umno di negeri itu bagi mendapatkan penjelasan mengenai perjalanan mesyuarat agung di peringkat cawangan dan bahagian masing-masing.

(END)